

19 MAY 1999

Malaysia-Indonesia

MAHATHIR DAN HABIBIE ADAKAN PERBINCANGAN DUA HALA ESOK

Oleh: Tham Choy Lin

BATAM, 19 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir dan Presiden Indonesia B.J.Habibie tiba di sini esok untuk mengadakan perbincangan dua hala, pertemuan kedua mereka sejak Habibie menerajui Indonesia setahun lepas.

Habibie akan diiringi oleh beberapa menteri kanan tetapi kurang butiran diperolehi mengenai mesyuarat itu, yang minta diadakan oleh Jakarta, dengan kurang daripada tiga minggu pilihan raya umum pelbagai parti di Indonesia akan diadakan.

Menteri Kehakiman, Muladi, yang baru-baru ini menjalankan tugas Setiausaha Sekretaris, minggu lepas berkata kedua-dua pemimpin akan membincangkan isu-isu dua hala dan serantau tetapi tidak memberikan butiran lanjut.

Pegawai-pegawai berkata perbincangan itu, yang dijangka berlangsung kira-kira dua jam, akan merangkumi isu-isu politik, ekonomi, keselamatan, kebudayaan dan sosial.

Dr Mahathir dan Habibie akan mengadakan pertemuan empat mata sebelum mengadakan perbincangan peringkat delegasi. Sebelum ini, mereka bertemu semasa sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Malaysia, November lepas.

Dalam delegasi Malaysia ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri Datuk Mohamed Noor Abdul Rahim dan pegawai-pegawai kanan beberapa agensi kerajaan.

Delegasi Indonesia pula disertai oleh Muladi, Menteri Luar Ali Alatas, Menteri Pertahanan Jeneral Wiranto, Menteri Koordinasi untuk Ekonomi, Kewangan dan Perdagangan Ginandjar Kartasasmita dan Menteri Industri Rahadi Ramelan.

Pusat percutian Nongsa Point Marina, tempat mesyuarat itu diadakan, diberikan kawalan ketat.

Dr Mahathir akan pulang ke Malaysia selepas jamuan tengah hari untuk memulakan kawatan dua hari ke Johor.

Habibie telah dinamakan sebagai calon tunggal presiden bagi parti Golkar dan dilaporkan memilih Wiranto sebagai calon pasangannya.

Sejumlah 48 parti politik akan menyertai pilihan raya umum itu pada 7 Jun ini, yang akan menjadi ujian kepada reformasi yang dilaksanakan Habibie, selepas kejatuhan penasihatnya, Suharto, pada Mei lepas.

-- BERNAMA

TCL NAK